

# Persidangan 'Pemikiran Politik Mahathir Mohamad' di Kaherah 10 Mac

UM 04 MAR 2005

KUALA LUMPUR 3 Mac — Jabatan Pengajian Malaysia (DMS), Universiti Kaherah akan menganjurkan persidangan sehari bagi membincangkan mengenai pemikiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Kaherah, pada 10 Mac ini.

Persidangan itu adalah yang ketiga dianjurkan oleh DMS sejak ia mula dibangunkan dua tahun lalu hasil kerjasama di antara Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kaherah, Mesir.

Pengerusi Lembaga Pengarah UM, Tan Sri Mohamed Khatib Abdul Hamid berkata, persidangan yang bertemakan 'Pemikiran Politik Mahathir Mohamad' berbeza daripada sebelum ini kerana ia merupakan kali pertama diadakan di luar negara.

Menurutnya, lebih istimewa, persidangan kali ini membincangkan mengenai pemikiran Mahathir dari kaca mata para ilmuwan dan penyelidik bukan Malaysia.

"Lapan kertas kerja pelbagai topik berkaitan pemikiran bekas Perdana Menteri akan dibentangkan oleh penyelidik dan profesor di bidang sains politik di Mesir semasa persidangan itu.

"Kertas kerja itu akan dibahas dan dibincangkan selain menjadi medan berkongsi idea serta resipi kejayaan Malaysia di tangan Mahathir, tetapi daripada pandangan mereka sendiri," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mohamed Khatib berkata, objektif utama persidangan itu ialah sebagai penghargaan rakyat tempatan terhadap pemikiran politik Mahathir, yang dianggap sebagai salah seorang pemimpin ulung di sebuah negara Islam contoh seperti Malaysia.

Lapan kertas kerja yang dibincangkan pada persidangan itu termasuk oleh Dr. Ragaa Selim bertajuk 'Perjalanan Hidup

Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia Keempat'; 'Pandangan dan Falsafah Mahathir' oleh Ketua Jabatan Sains Politik Universiti Kaherah, Prof. Dr. Mohamad El-Sayed Selim dan 'Pandangan Mahathir Mengenai Sistem Antarabangsa dan Globalisasi' tulisan Dr. Ahmad Youssif Al-Korai.

Lima kertas kerja lain ialah 'Pandangan Mahathir Mengenai Peranan Sektor Awam dan Swasta Dalam Menjana Strategi Pembangunan Malaysia' oleh Dr. Hoda Mitkees; 'Mahathir Model Pembangunan Islam' oleh Dr. Moustafa Mangood; 'Cara Mahathir Dalam Menguruskan Masyarakat Pelbagai Kaum' (Dr. Gaber Awad); 'Mahathir dan ASEAN' (Dr. Magda Salleh) dan Dasar Mahathir Mengenai Sains dan Teknologi' oleh Dr. Mehdad Ayoub.

Dr. Mahathir sendiri akan menyampaikan ucap tama pada persidangan itu nanti.

Antara persidangan yang diadakan sebelum ini oleh DMS ialah 'Malaysia Model Pembangunan' yang diadakan di Kuala Lumpur pada April 2004.

DMS yang terletak di pinggir Sungai Nil, Mesir pernah menganjurkan persidangan mengenai jalinan hubungan Malaysia-Mesir pada 26 Jun 2003.